

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA  
[ TENGGARA ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 24**

**DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes keracunan makanan yang melibatkan premis makanan dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memaksimumkan keberkesanan sistem penguatkuasaan peraturan terhadap pengendali dan premis makanan serta pemantauan yang dilakukan secara berkala.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Dari Januari sehingga Mei 2019, sebanyak 213 kejadian keracunan makanan telah dilaporkan melibatkan premis makanan di seluruh Negara berbanding 196 kejadian yang dilaporkan dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2018.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan menjalankan pemantauan dan tindakan pencegahan ke atas kejadian keracunan makanan melalui dua (2) aktiviti utama iaitu tindakan penguatkuasaan secara berkala dan memupuk kesedaran di kalangan pemilik premis makanan untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan pencegahan secara sukarela di premis makanan mereka.

Berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan, KKM sentiasa menjalankan pemeriksaan secara rutin ke atas premis makanan di seluruh negara di samping menjalankan Operasi Premis Makanan Bersih berjadual dengan kekerapan dua (2) kali sebulan. Sehingga April 2019, sebanyak 36,754 premis makanan telah diperiksa dan 1,110 (3.0%) daripadanya telah ditutup manakala pada tahun 2018, daripada 126,896 premis makanan yang telah diperiksa, sebanyak 2,302 (1.8%) premis makanan telah ditutup.

Di samping itu, sehingga April 2019 ,sebanyak 12,465 kompaun telah dikeluarkan terhadap pengendali makanan atau pengusaha premis makanan yang tidak mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah Akta Makanan 1983. Manakala pada tahun 2018, sejumlah 24,565 kompaun telah dikeluarkan.

Dengan peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa, adalah diharapkan tahap kebersihan premis makanan di seluruh negara akan turut meningkat dan seterusnya dapat mencegah kejadian keracunan makanan.

**Yang di-Pertua,**

KKM tiada halangan dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama bersama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjalankan aktiviti berkaitan keselamatan makanan termasuk bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan berkaitan kebersihan premis makanan dalam mencegah kejadian keracunan makanan.

Sekian, terima kasih.